

**PERANAN SISTEM e-SINAR DALAM USAHA
MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN
BAGI DAERAH KOTA SETAR**

**Oleh:
TEUKU ANTONI**

**SARJANA SAINS PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Disember 2012**

**PERANAN SISTEM e-SINAR DALAM USAHA
MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN
BAGI DAERAH KOTA SETAR**

**Oleh:
TEUKU ANTONI**

**Kertas Projek Sarjana ini di serahkan kepada :
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Sarjana Sains (Pengurusan)**

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan program sarjana Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti memamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan samada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia kertas projek atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial dan keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran tertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlu dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas kertas projek ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini samada sebahagian atau keseluruhannya hendaklah dipohon melalui :

Dekan,
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darulaman, Malaysia

PENGAKUAN

Saya akui bahawa kertas projek yang bertajuk "Peranan Sistem e- Sinar Dalam Usaha Mengurangkan Kadar Kemiskinan Bagi Daerah Kota Setar" adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kertas projek ini tidak pernah dikemukakan atau diterima sebagai projek lain.

Saya akui bahawa setiap bantuan yang diterima untuk menyiapkan projek kajian ini adalah dari sumber yang dibenarkan.

Teuku Antoni
809271
Kolej Perniagaan
School of Business Management
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darulaman
Malaysia

Disember, 2012

ABSTRAK

Dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Kedah Darulaman ditubuhkan suatu sistem rekod data rakyat miskin yang merekod segala maklumat yang berkaitan ketua isi rumah (KIR) miskin di Negeri Kedah Darulaman, yang dikenal dengan nama sistem e-Sinar. Objek utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan system e-Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan bagi Daerah Kota Setar. Pengumpulan data penelitian menggunakan metode wawancara langsung.. Kemudian dilakukan analisis terhadap data yang telah terkumpul dengan metode deskriptif kualitatif. Hasil kajian menunjukkan Peranan sistem e-Sinar iaitu menjadi rujukan induk dalam mencari kelompok sasaran yang akan menerima dampak daripada program pembasmian kemiskinan, menepis isu pertindihan dan ketirisan, tool analysis dalam mengembangkan berbagai formulasi kebijakan dan perancangan program pembasmian kemiskinan, sebagai indikator tingkat keberhasilan program. Kebaikan sistem e-sinar iaitu berasas komoniti, dapat dipertanggung jawabkan, objektif dan telus, masyarakat mudah dalam melakukan pendaftaran, pemantauan dan pengawalan, boleh di akses oleh agensi-agensi yang berhubungkait dengan program pembasmian kemiskinan. Kelemahan sistem e-sinar iaitu tidak ada di lakukan pengawalan, kajian/nilai semula dan pemutihan peserta oleh urusetia sistem e-Sinar hal ini di sebabkan kurangnya tenaga kerja. Berdasarkan hasil kajian tersebut, cadangan yang diberikan adalah: Mempertahankan kelangsungan sistem e-Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Daerah Kota Setar dengan cara membentuk tim satuan kerja pembasmian kemiskinan di peringkat daerah. Meningkatkan penyelarasan di antara agensi-agensi pemberi bantuan program pembasmian kemiskinan melalui tim satuan kerja pembasmian kemiskinan di peringkat Daerah, sehingga menjadi terintegrasinya program pembasmian kemiskinan di peringkat daerah. Dengan demikian boleh menipis isu berbedaan birokrasi antar agensi dengan cara membuat sebuah standar operasi bersama dalam rangka melaksanakan program pembasmian kemiskinan di peringkat Daerah secara terpadu.

Kata kunci : Kemiskinan, Sistem e-Sinar

ABSTRACT

In an effort to lessen the levels of poverty in the State of Kedah Darulaman embodied a system of records of data of poor people who recorded any ordinance relating to the head of the household poor the State of Kedah Darulaman, known as e-Sinar system. The main object of this study is to know the definite role of e-Sinar system in an effort to lessen poverty levels for Kota Setar. Research data collection using interviews directly . Then do the analysis of the data that has been collected by qualitative descriptive method. The results of the study show the role of e-Sinar system namely a reference to the parent in search of the target group who will be affected rather than the poverty eradication program, dismissed the issue overlap and leakage, analysis tool in developing policy formulation and program design poverty eradication, as an indicator of the level of success of the program. Goodness e-Sinar system community basis namely, accountable, objective and transparenence, the easier the registration, monitoring and escort, may be accessed by agencies that related the poverty eradication program. E-Sinar system weaknesses namely nothing done escort, study / original values and bleaching participants by e-Sinar system secretariat it caused labor shortages. Based on the results of such studies, reserves are: Maintain continuity of e-Sinar system in an effort to lessen the levels of poverty in the Region Kota Setar by forming teams unit ranked in the area of poverty eradication. Improve alignment between aid agencies poverty eradication program through poverty eradication teams unit ranked in the area, so it becomes integrated poverty eradication programs ranked in the region. Thus the issue of thinning may difference bureaucracy among agency by creating a common operating standards in order to implement poverty eradication programs in an integrated regional ranking.

Keywords: Poverty, e-Sinar system

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah dan Maha Mengasihani,

Assalamuâlaikum dan Salam sejahtera

Syukur Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia serta hidayah-Nya yang membolehkan kajian ini diselesaikan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan walaupun menempuh pelbagai pengalaman suka dan duka.

Penghargaan yang tidak terhingga saya rakamkan kepada Dr. Munauwar Bin Mustafa selaku penyelia saya yang telah banyak memberi bimbingan dan dorongan sehingga selesainya kajian ini. Sesungguhnya segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah dicurahkan itu sangat bermakna buat saya bukan sahaja semasa proses menyiapkan projek ini tetapi untuk perkembangan kerjanya dan pendidikan saya pada masa akan datang.

Kepada pihak penilai/penguji, Dr. Shuhymee Ahmad dan Dr. Azahari Ramli, terima kasih diucapkan di atas kesanggupan untuk meluangkan masa menyemak kajian ini dan memberikan sumbangan buah pikiran bagi penambahbaikan, yang telah dibentangkan pada hari Ahad tarikh 30 hari bulan Disember 2012.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada ibu bapa saya, Banta Beransyah (Alm) dan Ibunda Nurbaiti (Alm), ibu bapa mertua Taufik Lubis (Alm) dan Khairani Siregar (Alm), dan kepada isteri tercinta Evi Fitriani yang selalu menjaga dan membimbing ketiga buah hati kami, Ananda TM. Athar, TM. Riziq dan TM. Rayyan diucapkan secara khusus kerana telah banyak membantu dan memberikan sokongan serta dorongan semangat sewaktu bertungkus lumus menyiapkan kajian ini. Terima kasih di atas doa yang diberikan dari kedua-dua belah keluarga buat saya menempuh pendidikan selama ini dalam mengajar erti kesabaran dan ketabahan selama ini.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pihak Kerajaan Aceh khususnya Lembaga Pengembangan Sumber Daya Manusia (LPSDM) Aceh dan Badan Perencanaan Pembangunan Daerah (BAPPEDA) Nagan Raya, tempat saya bertugas, yang telah memberi kesempatan untuk saya menuntut di Universiti Utara Malaysia. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh pegawai di Pejabat Daerah Kota Setar, tempat saya mengambil kajian ini, tempat saya jalani latihan industri selama 3 bulan 4 hari (mulai 17 September hingga 20 Disember 2012). Juga ucapan terima kasih kepada Urusetia e-Sinar yang telah memberikan maklumat yang saya perlukan dalam menyelesaikan kajian ini.

Bagi Cek Rozi dan keluarga saya mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya yang telah menjadi orang tua kami selama kami menuntut ilmu di Malaysia

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dari rakan-rakan pelajar Aceh di atas memberi sokongan moral, semangat kepada saya. Saya amat menyanjung tinggi segala sokongan, kesabaran dan pengorbanan yang telah rakan-rakan berikan. Serta kepada semua pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjalankan kajian ini. Jasa anda semua akan dikenang sampai bila-bila masa.

Sekian, terima kasih

Teuku Antoni (809271)
Disember 2012

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Perolehan Garis Kemiskinan (PGK) (sumber EPU) é é é é .	18
Jadual 5.2	Data Kemiskinan Daerah Kota Setar Tarikh Daftar 21-10-2009 Sampai 21-10-2012 (sumber Sistem e-Sinar) é é é é é é é	31
Jadual 5.3	Statistik Ketua Isi Rumah Miskin mengikut mukim di Daerah Kota Setar Dari 1 Januari 2008 sampai 16 Oktober 2012 é é .	32

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 3.1	Carta Aliran Pendaftaran Borang e-Sinar Peringkat Daerahé ..	23
Rajah 3.2	Kerangka Kajian é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	25

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
Lampiran 1.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (Mengikut Daerah) Bilangan Ketua Isi Rumah
Lampiran 2.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (Mengikut Daerah) Kategori Kemiskinan
Lampiran 3.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Jantina bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 4.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Bangsa bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 5.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (Mengikut Daerah) Julat Pendapatan
Lampiran 6.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (Mengikut Parlimen) Julat Pendapatan Perkapita
Lampiran 7.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (Mengikut Daerah) Julat Bilangan Tanggungan
Lampiran 8.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (Mengikut Daerah) Julat Umur
Lampiran 9.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Taraf Perkahwinan bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 10.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Taraf Pendidikan bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 11.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Status Rumah bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 12.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Rawatan Dialis Buah Pinggang bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 13.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Pemilikan Tanah bagi Kategori Keseluruhan
Lampiran 14.	Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Kecacatan (tiada kad OKU) bagi Kategori Keseluruhan

- Lampiran 15. Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Kecacatan (ada kad OKU) bagi Kategori Keseluruhan
- Lampiran 16. Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman Mengikut Daerah dan Keadan Rumah bagi Kategori Keseluruhan
- Lampiran 17. Statistik Agensi Bilangan Keseluruhan
- Lampiran 18. Carta Organisasi Pejabat Daerah Kota Setar
- Lampiran 19. Daftar Pertanyaan Saat Temuduga.

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK.....	ii
KEBENARAN MENGGUNA.....	iii
PENGAKUAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN.....	vii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN.....	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
KANDUNGAN	xiv
 BAB 1. PENDAHULUAN	 1
1.1 Latar Belakang é ..	1
1.2 Rumusan Masalah dan Pertanyaan Masalah é é é é é é é é é ..	5
1.3 Matlamat Kajian é ..	6
1.4 Maanfaat Kajian é ..	6
1.5 Skop Kajian é ...	7
1.6 Kesimpulan é ..	7
 BAB 2. LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH KOTA SETAR.....	 8
2.0 Pengenalan é ..	8
2.1 Pengantar é ..	8
2.2 Misi dan Visi Pejabat Daerah Kota Setar é é é é é é é é é ..	9
2.3 Objektif é ..	10
2.4 Fungsi dan Peranan Agensi é é é é é é é é é é é é é é ..	10
2.5 Carta Organisasi é é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	10
2.5.1 Fungsi dan Peranan Pejabat Daerah Kota Setar é é é é é é ..	11
2.6 Kesimpulan é ..	13

BAB 3 PERANAN SISTEM E-SINAR DALAM USAHA MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN.....	14
3.0 Pengenalan é	14
3.1 Pengertian Peranan é é é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	14
3.2 Teori Kemiskinan é é é é é é é é é é é é é é é é é é é .	15
3.2.1 Program Pembasmian Kemiskinan di Malaysia é é é é é é é	16
3.2.2 Penyebab Kemiskinan é é é é é é é é é é é é é é é ..	19
3.2.3 Jenis Kemiskinan é é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	20
3.3 Sistem e-Sinar é .	21
3.3.1 Latar Belakang é é é é é é é é é é é é é é é é é é é .	21
3.3.2 Apakah Sistem e-Sinar é é é é é é é é é é é é é é é é	22
3.3.3 Proses Kerja Sistem e-Sinar é é é é é é é é é é é é é ..	22
3.4 Kerangka Kajian é	24
3.5 Kesimpulan é ..	26
 BAB 4. KAEDAH KAJIAN	27
4.0 Pengenalan é	27
4.1 Ruang Lingkup Kajian é é é é é é é é é é é é é é é é é .	27
4.2 Jenis dan Sumber Data é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	27
4.3 Teknik Persampelan é é é é é é é é é é é é é é é é é é é	28
4.4 Teknik Analisa Data é é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	28
4.5 Kesimpulan é .	29
 BAB 5. DAPATAN KAJIAN	30
5.0 Pengenalan é ..	30
5.1 Kondisi Kemiskinan di Daerah Kota Setar é é é é é é é é é .	30
5.2 Klasifikasi Data yang Disediakan oleh Sistem e- Sinar é é é é é .	33
5.3 Program e-Sinar Dalam Usaha Mengurangkan Kadar Kemiskinan é ..	37
5.4 Peranan Sistem e-Sinar é é é é é é é é é é é é é é é é é	37
5.4.1 Rujukan Induk Oleh Daerah Kota Setar dan Agensi-Agensi	
Bantuan Bagi Senarai Nama Rakyat Miskiné é é é é é é é	38
5.4.2 Penyelaras Program Pembasmian Kemiskinan di Daerah	
Kota Setar é é é é é é é é é é é é é é é é é é é ..	39

5.4.3	Input Bagi Perancangan Program Pembasmian Kemiskinan	
	Di Daerah Kota Setar é é é é é é é é é é é é é é é .	40
5.4.4	Pengawasan dan Penilaian Program Pembasmian Kemiskinan	
	Di Daerah Kota Setar é é é é é é é é é é é é é é é .	41
5.5	Kebaikan dan Kelemahan Sistem e-Sinar é é é é é é é é é é é ..	44
5.5.1	Kebaikan Sistem e-Sinar é é é é é é é é é é é é é é é .	45
5.5.2	Kelemahan Sistem e-Sinar é é é é é é é é é é é é é é é .	46
5.6	Kesimpulan é é é é é é é é é é é é é é é é é é é .	48
BAB 6.	KESIMPULAN DAN CADANGAN	49
6.0	Pengenalan é .	49
6.1	Kesimpulan é .	49
6.2	Cadangan é ..	50
6.2.1	Cadangan Bagi Penambah Baikkan Program Pengurangan	
	Kadar Kemiskinan é é é é é é é é é é é é é é é é ..	50
6.2.2	Cadangan Bagi Kajian Selanjutnya é é é é é é é é é é é .	51
	RUJUKAN é .	53
	LAMPIRAN é .	55

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Kemiskinan merupakan masalah kompleks yang dipengaruhi oleh berbagai faktor yang berhubung kait, antara lain: tingkat perolehan, kesihatan, pendidikan, akses terhadap barang dan jasa, lokasi, geografi, jantina, dan keadaan lingkungan. Jadi kemiskinan boleh didefinisikan keadaan di mana seseorang atau sekelompok orang, lelaki dan perempuan, tidak dipenuhi hak-hak asasnya bagi mempertahankan dan mengembangkan kehidupan yang bermartabat. Definisi ini beranjak dari pendekatan berbasis hak yang mengakui bahwa masyarakat miskin mempunyai hak-hak asas yang sama dengan anggota masyarakat lain.

Kemiskinan tidak lagi difahami hanya sebatas ketidakmampuan ekonomi, tetapi juga kegagalan memenuhi hak-hak asas dan perbezaan perlakuan bagi seseorang atau sekelompok orang dalam menjalani kehidupan secara bermartabat. Hak-hak asas yang diakui secara umum meliputi terpenuhinya keperluan pangan, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, air bersih, pertanahan, sumberdaya alam, dan lingkungan hidup, rasa aman dari perlakuan atau ancaman tindak kekerasan dan hak bagi turutserta dalam kehidupan sosial-politik, baik bagi perempuan mahupun lelaki.

Kemiskinan menjadi salah satu ukuran terpenting bagi mengetahui tingkat kesejahteraan suatu rumah tangga. Sebagai suatu ukuran agregat, tingkat kemiskinan

di suatu wilayah lazimnya digunakan bagi mengukur tingkat kesejahteraan di wilayah tersebut. Dengan demikian, kemiskinan menjadi salah satu tema utama pembangunan. Kejayaan dan kegagalan pembangunan diukur berasaskan perubahan pada peringkat kemiskinan.

Kemiskinan terjadi disebabkan kemampuan masyarakat pelaku ekonomi tidak merata, sehingga terdapat masyarakat yang tidak boleh ikut serta dalam proses pembangunan atau menikmati hasil-hasil pembangunan .

Kemiskinan merupakan masalah pembangunan yang ditandai dengan pengangguran dan ketinggalan dari peredaran semasa. Masyarakat miskin lemah dalam kemampuan berusaha dan mempunyai hubungan yang terhad kepada kegiatan sosiekonomi .

Kemiskinan merupakan isu kompleks dan kronis, maka cara pembasmian kemiskinan pun memerlukan analisis yang tepat melibatkan semua komponen permasalahan, dan diperlukan strategi pembasmian yang tepat, berterusan dan tidak bersifat temporer. Sejumlah data boleh digunakan bagi merangkai persoalan kemiskinan dan dari data ini dihasilkan beberapa strategi dan kebijakan pembasmian kemiskinan yang tepat sasaran dan berterusan. Dari dimensi pendidikan misalnya, pendidikan yang rendah di pandang sebagai penyebab kemiskinan. Dari dimensi ekonomi kepemilikan alat-alat produktif yang terbatas, penguasaan teknologi yang rendah dan kurangnya keterampilan, dilihat sebagai alasan asas penyebab terjadinya kemiskinan. Dari dimensi kesihatan, rendahnya mutu kesihatan masyarakat menyebabkan berlakunya kemiskinan. Faktor kultur dan struktural juga kerap kali

dilihat sebagai elemen penting yang menentukan peringkat kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat. Tiada yang salah dan keliru dengan pendekatan tersebut, tetapi diperlukan keterpaduan antara faktor penyebab kemiskinan yang sangat banyak dengan indikator-indikator yang jelas, sehingga kebijakan pembasmian kemiskinan tidak bersifat temporer, tetapi permanen dan berterusan (Sahdan, 2005)

Untuk memastikan tercapainya target penurunan angka kemiskinan tidak saja diperlukan kemahuan politik dan kerjasama dari seluruh masyarakat (*stakeholders*) pembangunan, baik diperingkat Kerajaan Persekutuan samada Kerajaan Negeri, atau daerah. Dalam usaha membasmi kemiskinan perlu dilakukan secara sistematis dan berterusan. Upaya sistematis itu dapat dimulakan dengan suatu proses perencanaan program membasmi kemiskinan yang baik. Dalam proses perencanaan program pembasmian kemiskinan terdapat dua elemen penting, iaitu data dan penentuan sasaran (*targeting*).

Data kemiskinan menjadi sesuatu hal yang penting kerana ia merupakan input yang menjadi pertimbangan utama dalam proses perencanaan program pembasmian kemiskinan. Data kemiskinan yang baik boleh memberi gambaran tentang jumlah, sebaran, profil dan karakteristik penduduk miskin yang merupakan kelompok sasaran (*target group*) dari program pembasmian kemiskinan.

Sedangkan penentuan sasaran atau *targeting* merupakan muara dari proses perencanaan program yang menghasilkan output berupa bentuk program dan kegiatan, termasuk alokasi kewanganya. Dalam terminologi perencanaan pembangunan, kegiatan *targeting* program pembasmian kemiskinan bertujuan untuk menentukan

kedudukan kewangan untuk belbagai program dan kegiatan pembasmian kemiskinan, yang bersumber dari bajet kerajaan (persekutuan mahupun negeri).

Dengan penjelasan di atas, jelas bahwa data dan *targeting* mempunyai kaitan yang sangat erat dalam proses perencanaan program pembasmian kemiskinan. Salah satu ukuran terpenting kualitas program pembasmian kemiskinan ialah hasil *targeting* yang baik, sedangkan untuk memperoleh hasil *targeting* yang baik memerlukan sokongan sistem data kemiskinan yang baik .

Berdasarkan pemikiran di atas sangat tepat kiranya inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Kedah Darulaman di mana ia telah menubuhkan suatu sistem pangkalan data kemiskinan secara online yang dikenali sebagai e-Sinar, pangkalan data ini telah beroperasi pada 12 September 2007 secara rasmi, dengan adanya pangkalan data kemiskinan seperti ini diharapkan pengurusan pembasmian kemiskinan boleh berlanjutan dan mempunyai hala yang jelas.

Banyak program pembasmian kemiskinan telah dilakukan diperingkat negeri yang dijalankan oleh beberapa jabatan / agensi tetapi dalam hal ini masih ada kekurangan seperti tidak ada rujukan data kemiskinan, tiadanya penyelaras dalam pengumpulan dana dari belbagai sumber, tidak ada suatu data yang boleh dijadikan rujukan bagi proses perancangan pembasmian kemiskinan. Bagi mengatasi isu tersebut maka ditubuhkan suatu sistem data rakyat miskin, iaitu sistem e-Sinar. Melalui sistem e- Sinar setiap permasalahan di atas dapat di atasi kerana sistem e-Sinar merupakan suatu sistem pangkalan data rakyat miskin Negeri Kedah Darulaman yang merekodkan segala maklumat berkaitan Ketua Isi Rumah (KIR)

miskin di Negeri Kedah Darulaman. Dengan demikian tersedia maklumat tentang isu, keadaan dan karakteristik rakyat miskin .

Sejak mulai beroperasinya pada 1 Januari 2008 sampai dengan setakat ini sistem e-Sinar telah merekodkan 21,817 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin di Negeri Kedah Darulaman. Manakala Daerah yang mempunyai peserta sistem e-Sinar dengan jumlah terbanyak ialah Daerah Kota Setar, berjumlah 4156 KIR miskin.

Berasaskan huraian tersebut, kiranya menarik bagi dilakukan kajian tentang **“Peranan Sistem e-Sinar Dalam Usaha Mengurangkan Kadar Kemiskinan Bagi Daerah Kota Setar.”**

1.2 Rumusan Masalah dan Pertanyaan Masalah

Sistem e- Sinar adalah sistem pangkalan data rakyat miskin di Negeri Kedah Darulaman, dimana ia telah menjadi suatu hal yang penting karena merupakan rujukan dan penyelaras dari belbagai agensi dan kerajaan dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat miskin. Data rakyat miskin juga merupakan input yang menjadi pertimbangan utama bagi proses perancangan dan mengkaji semula program pembasmian kemiskinan. Para pengambil keputusan atau perancangan memerlukan data rakyat miskin dalam rangka menyusun perancangan terkait upaya pencapaian tujuan. Kurangnya data secara kuantitas ataupun kualitas tidak akan menghasilkan analisa yang mendalam tentang suatu masalah dan tidak akan cukup kuat bila dijadikan bahan pengambilan keputusan atau perancangan. Pemahaman atas data yang diperlukan serta sumber perolehan dari data tersebut, harus diidentifikasikan sebagai sesuatu yang sangat penting.

Salah satu ukuran terpenting bagi program pembasmian kemiskinan adalah hasil sasaran (*targeting*) yang baik, untuk memperoleh hasil sasaran (*targeting*) yang baik memerlukan proses perancangan pembasmian kemiskinan yang baik, proses perancangan yang baik perlu sokongan sistem data kemiskinan yang baik.

Untuk mengetahui aras keberkesanan program tersebut ialah dengan melakukan pengawasan dan penilaian, data rakyat miskin dapat menjadi input iaitu sejauh mana program/kegiatan sudah berjalan, apakah program sudah berjalan dalam alur yang diinginkan, bagaimanakah kualitas dan kuantitas output yang dihasilkan agar nantinya dapat digunakan dalam pencapaian sasaran, dan dampak yang dihasilkan dari pelaksanaan program tersebut, mengikut uraian diatas di rumuskan pertanyaan masalah sebagai berikut :

1. Bagaimana peranan sistem e-Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan bagi Daerah Kota Setar ?
2. Apakah kebaikan dan kelemahan sistem e-sinar ?

1.3 Matlamat Kajian.

Matlamat dari penelitian ini adalah :

1. Menghuraikan bagaimana peranan sistem e-Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Daerah Kota Setar
2. Menghuraikan kebaikan dan kelemahan sistem e-sinar

1.4 Manfaat Kajian.

Penelitian ini di harapkan bermanfaat sebagai :

1. Bahan masukan bagi Pejabat Daerah Kota Setar dalam kajisemula sistem e-Sinar di Pejabat Daerah Kota Setar.
2. Bahan perbandingan bagi penelitian lain.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan pada peranan Sistem e- Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Daerah Kota Setar, mendeskripsikan kebaikan dan kelemahan sistem e-Sinar. Kajian dilakukan di Daerah Kota Setar iaitu terhadap rakyat di Daerah Kota Setar yang terdaftar didalam Sistem e-Sinar, urusetia Sistem e-Sinar di peringkat Daerah dan UPEN. Masa Pelaksanaan kajian dalam masa tiga bulan bermula dari tanggal 18 September sehingga 20 Disember 2012.

1.6 Kesimpulan

Pada bab ini menjelaskan tentang latarbelakang sistem e-Sinar yang mencetus motivasi kearah penyelidikan dalam bidang ini. Pernyataan masalah telah didedahkan bagi menunjukkan sejauh mana peranan Sistem e-Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan bagi daerah Kota Setar, serta kebaikan dan kelemahan sistem e-sinar. Juga menjelaskan matlamat kajian, manfaat kajian dan skop kajian.

Bab seterusnya bab dua menjelaskan tentang organisasi tempat pengkaji melaksanakan praktikal iaitu Pejabat Daerah Kota Setar.

BAB 2

LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH KOTA SETAR

2.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang profil Pejabat Daerah Kota Setar yang meliputi misi dan visi, objektif, fungsi dan peranan agensi, carta organisasi.

2.1 Pengantar.

Daerah Kota Setar sebagai sebuah daerah yang dianggap sebagai daerah senior di Negeri Kedah, kini sedang mengalami fasa pembangunan yang mencabar. Peningkatan drastik penduduk dan pertumbuhan perbandaran yang pesat, bakal mencorak senario pembangunan daerah serta mampu mencipta permasalahan sosial, ekonomi dan politik yang mencabar. Jadi, Pejabat Daerah Kota Setar yang berfungsi sebagai tulang belakang mekanisma pentadbiran peringkat daerah, harus bersedia dan mampu menangani cabaran perubahan yang sedang dan akan berlaku.

Pelan Strategik ini pada asasnya menyediakan kerangka visi serta misi yang jelas mengenai matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi ini dalam mengharungi isu-isu semasa dan akan datang. Visi dan misi yang ingin dicapai terutamanya terpaksi kepada pembentukan sebuah daerah contoh di mana program-program pembangunan sentiasa menekankan keseimbangan antara aspek fizikal, intelektual dan spiritual.

2.2 Misi dan Visi Pejabat Daerah Kota Setar

Misi daripada Pejabat Daerah Kota Setar adalah :

Memaju Dan Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat Dengan Menyediakan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Yang Lengkap Serta Tingkatkan Keselamatan, Kesihatan, Pendidikan Dan Penbolehan Melalui Keberkesanan Perancangan Serta Penglibatan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pihak Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan Dan Masyarakat

Visi daripada Pejabat Daerah Kota Setar adalah :

Menjadi Sebuah Agensi Peneraju Pentadbiran Dan Pembangunan Daerah Cemerlang .

Warga Pejabat Kota Setar berpegang kepada lima nilai bersama dalam melaksanakan misinya ke arah pencapaian visi yang ditetapkan.

1. Akauntabiliti

Menjalankan tugas yang diberi secara bertanggungjawab ke atas kejayaan ataupun kegagalannya.

2. Integriti

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberi demi kepentingan umum dan keredaan Allah SWT.

3. Kompeten

Memiliki kualifikasi dan kemahiran yang betul dalam menjalankan tugas yang diberi.

4. Responsif

Peka dan prihatin kepada kehendak *stakeholders* dan keperluan pelanggan di samping memahami isu-isu senario semasa dan cepat mencari jalan penyelesaian terbaik.

5. Adil

Membuat keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan berani dan mengamalkan *nemo judex in causa sua* tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

2.3 Objektif

Bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk daerah Kota Setar dengan memberi perkhidmatan berproduktif, berkualiti dan bertanggungjawab.

2.4 Fungsi Dan Peranan Agensi

1. Mengurus dan mentadbir Daerah Kota Setar dan diketuai oleh seorang Pegawai Daerah .
2. Bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pembangunan daerah.
3. Merancang pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial daerah.
4. Bertanggungjawab bagi menyelaraskan kegiatan semua cawangan agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang terbole di dalam daerah.
5. Memainkan peranan penting di dalam menjayakan ‘Asas Pembangunan Nasional’ melalui polisi-polisi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
6. Menyampaikan dan meyalurkan asas-asas kerajaan di peringkat daerah.

2.5 Carta Organisasi

Pejabat Daerah Kota Setar terdiri dari 2 directori iaitu Pentadbiran Daerah dan Pejabat Tanah berada dibawah Pegawai Daerah. Pejabat Daerah Kota Setar

Pentadbiran Daerah terdiri dari 2 bahagian iaitu bahagian khidmat pengurusan dan bahagian pembangunan. Bahagian khidmat pengurusan terdiri dari 3 unit iaitu :

1. Unit pentadbiran dan kewangan di ketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir (1jawatan), dan pembawahi ketua pembantu tadbir (1 Jawatan), Pembantu Tadbir (P/O) (3 jawatan), pembantu tadbir kewangan (2 jawatan), pembantu tadbir (Pemerosesan Data) (1 jawatan), pegawai khidmat pelanggan (1 jawatan), pembantu tadbir (1 jawatan), pemandu (3 jawatan) (3 jawatan), pembantu am rendah (2 jawatan), dan pekerja am (2 jawatan).
2. Unit Majlis dan Keraian, di ketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir dan membawahi pembantu tadbir (P/O) (1 jawatan).
3. Unit keselamatan, diketuai oleh Pembantu Tadbir (P/O) (1 jawatan).

Sedangkan bahagian pembangunan ada 2 unit, iaitu :

1. Unit pembangnan fizikal, diketuai oleh PTN dan di bantu pegawai-pegawai (1 jawatan), juru teknik kanan (1 jawatan), ketua penolong tadbir (1 jawatan) pembantu tadbir (P/O) (3 jawatan), pembantu tadbir kewangan (2 jawatan), juruteknik (3 jawatan), pembantu kerani rendah (1jawatan), pembantu notis (1 jawatan), pembantu am rendah (1jawatan).
2. Unit pembangunan masyarakat, diketuai oleh PTN, membawahi penghulu (26 jawatan), pembantu tadbir (KUP) (1 jawatan), dan pembantu tadbir (P/O) (26 jawatan).

2.5.1 Fungsi dan Peranan Pejabat Daerah Kota Setar

Fungsi dan peranan bahagian khidmat pengurusan adalah : sebagai pengurusan sumber manusia, pengurusan aset jabatan, pengurusan kewangan jabatan, urusan duti setem, kutipan sewa perumahan awam, lesen hiburan, lesen minuman alkohol,

pengurusan majlis dan keraian rasmi yang diadakan di daerah, dan pengurusan keselamatan daerah.

Fungsi dan peranan unit pembangunan fizikal adalah : mengurus dan menyelaras mesyuarat jawatankuasa kerja tindakan daerah, menyelia dan memantau laporan prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan agensi kerajaan, merancang, menyelaras dan melaksanakan projek-projek kecil, mengurus dan menyelaras mesyuarat jawatankuasa pertanian daerah, mengurus, menyedia dan memperakui spesifikasi kerja dan pelan-pelan kejuruteraan awam, menguruskan segala tuntutan pembayaran projek-projek yang telah siap dilaksanakan dengan sempurna, serta menyelaras dan memantau pelaksanaan bagi projek negeri dan persekutuan.

Fungsi dan peranan unit pembangunan masyarakat adalah : menguruskan perantikan pengerusi Majlis Ketua Kampung/komuniti (MKK) dan ahli MKK, merancang, menyelaras dan melaksanakan program/projek pembasmian kemiskinan, mengurus dan menyelaras mesyuarat jawatankuasa pembasmian kemiskinan daerah, menyelaras senarai nama sistem e-sinar (data kemiskinan), merancang dan menggalakkan penglibatan orang ramai, agensi kerajaan, sektor swasta dan non govermence organization (*NGO*) dalam aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan insan, menguruskan pentadbiran rumah anak yatim Kota Setar.

2.6 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan tentang fungsi Pejabat Daerah Kota Setar, peranan, juga menjelaskan pembahagian tugas masing-masing bahagian dan masing-masing unit .

Bab seterusnya iaitu bab tiga yang menjelaskan tentang tinjauan literatur yang telah dibuat oleh pengkaji.

BAB 3

PERANAN SISTEM e-SINAR DALAM USAHA MENGURANGI KADAR KEMISKINAN

3.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian tinjauan literature, semua literature disusun dengan teratur mengikut urutan-urutan yang tertentu supaya pembacaan menjadi lancar dan mudah. Dalam bab ini memperincikan tentang definisi peranan, kemiskinan, dan sistem e-Sinar.

3.1 Pengertian Peranan

Menurut kamus Dewan Edisi keempat Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) pengertian daripada peranan adalah bahagian tugas yang di pegang. Jadi Peranan Sistem e-Sinar Dalam Usaha Mengurangkan Kadar Kemiskinan adalah bahagian dari tugas yang di pegang oleh sistem e-sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan.

Konsep tentang Peranan (role) menurut Komarudin (1994) dalam bukuñ Ensiklopedia Manajemen ñ mengungkap seperti berikut :

- 1. Bagian dari tugas utama yang harus dilakukan oleh manajemen*
- 2. Pola prilaku yang diharapkan dapat menyertai suatu status*
- 3. Bagian suatu fungsi seseorang dalam kelompok atau pranata*
- 4. Fungsi yang diharapkan dari seseorang atau menjadi karakteristik yang ada padanya*
- 5. Fungsi setiap variabel dalam hubungan sebab akibat*

Berdasarkan pengertian tersebut dapat diambil pengertian bahwa peranan merupakan penilaian sejauh mana fungsi seseorang atau bagian dalam menunjang usaha pencapaian tujuan yang ditetapkan atau ukuran mengenai hubungan 2 (dua) pembolehubah yang merupakan hubungan sebab akibat.

3.2 Teori Kemiskinan

Pemikiran mengenai kemiskinan berubah sejalan dengan berlalunya waktu, tetapi pada dasarnya berkaitan dengan ketidak mampuan bagi memenuhi keperluan asas (Mikelsen, 200). Kemiskinan menunjukkan situasi serba kekurangan yang terjadi bukan kerana dikehendaki oleh si miskin, melainkan kerana tidak mampu dihindari dengan kekuatan yang dimilikinya (Soegijoko, 1997). Menurut Sar A. Levitan dalam Ala (1981) menyatakan kemiskinan adalah kekurangan barang-barang dan pelayanan-pelayanan yang diperlukan bagi mencapai suatu standar hidup yang layak. Ketidaksamaan kesempatan bagi mengakumulasi asas kekuatan sosial yang meliputi: aset, sumber-sumber keuangan, organisasi dan jaringan sosial, pengetahuan dan maklumat bagi memperoleh pekerjaan menjadikan seseorang menjadi miskin (John Friedman (1979) dalam Ridlo (2001). Definisi kemiskinan boleh ditinjau dari tinjauan ekonomi, sosial dan politik. Secara ekonomi kemiskinan adalah kekurangan sumber daya yang boleh digunakan bagi meningkatkan kesejahteraan. Secara sosial kemiskinan diartikan kekurangan jaringan sosial dan struktur bagi menbolehkan kesempatan meningkatkan produktivi. Sedangkan secara politik kemiskinan diartikan kekurangan akses terhadap kekuasaan (Effendi, 1993). Tinjauan yang sama dengan penjelasan berbeza dikemukakan Nugroho dan Dahuri (2004). Dari aspek ekonomi, kemiskinan merupakan kesenjangan antara lemahnya daya pembelian (positif) dan keinginan guna memenuhi keperluan asas (normatif). Daripada aspek sosial,

kemiskinan mengindikasikan potensi perkembangan masyarakat yang rendah. Sedangkan daripada aspek politik, kemiskinan berhubungan dengan rendahnya kemandirian masyarakat. Menurut Rusli dkk (1995) terdapat perbezaan antara kemiskinan, ketidakmerataan, keterisolasian dan keterbelakangan. Kemiskinan adalah suatu keadaan dimana seseorang atau sekelompok orang tidak boleh memenuhi standar keperluan minimum tertentu. Ketidaksamarataan lebih menekankan pada standar hidup relatif diantara anggota masyarakat. Keterisolasian menyangkut ketidakmampuan sekelompok orang bagi berhubungan secara teratur dan mudah dengan masyarakat lainnya, sedangkan keterbelakangan menyangkut kurangnya kesedaran dan pengetahuan mengenai keperluan serta keadaan kehidupan yang lebih baik.

3.2.1 Program membasmi kemiskinan di Malaysia

Dalam pembangunan agenda penyelidikan global, adalah penting bagi mengkaji usaha kerajaan Malaysia menangani fenomena kemiskinan selepas kemerdekaan daripada British pada tahun 1957. Pembasmian kemiskinan telah menjadi objektif asas pembangunan bagi kerajaan Malaysia sejak kemerdekaan. Taburan kemiskinan di Malaysia berkait rapat dengan corak penempatan etnik dan struktur perindustrian. Dari segi sejarah, ketiga-tiga kumpulan etnik utama di Malaysia, Bumiputera (Melayu dan kumpulan-kumpulan peribumi), Cina dan India telah dipisahkan dari segi geografi dan jenis pekerjaan oleh kerajaan kolonial British. Pemisahan geografi dan pekerjaan ini memperluaskan jurang perolehan antara kaum, yang seterusnya memberi cabaran besar kepada kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan. Sebagai contoh, pada awal tempoh mencapai kemerdekaan iaitu dalam tahun 1968, nisbah perolehan kaum Cina kepada perolehan median Melayu adalah

2.20:1 (Rasiah & Shari, 2001). Jurang perbezaan perolehan ini menjadi punca utama kepada berlakunya tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Ini menyebabkan magnitud kemiskinan dan ketidaksamaan perolehan diketengahkan dalam dasar kerajaan mulai tahun 1970 yang menyebabkan Kerajaan Malaysia melaksanakan pelbagai dasar bagi membasmi kemiskinan dan mengagihkan semula perolehan antara kaum dengan penekanan terhadap perpaduan negara.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 sebagai asas teras pembasmian kemiskinan telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam membasmi kemiskinan penduduk. Pada akhir rancangan 20 tahun itu, kemiskinan telah menurun kepada 15.1 peratus, di bawah 16.7 peratus yang disasarkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), dan pekali Gini merosot daripada 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.446 pada tahun 1990 (Zurina et al, 2009; Nair, 2000; Rasiah & Shari, 2001). Dasar Pembangunan Negara (DPN) 1991-2000 telah dibentuk bagi meneruskan usaha mencapai pembangunan yang seimbang berasaskan teras DEB. Dibawah DPN, dasar telah digubal bagi membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan relatif antara kaum. Pada masa ini, program pembasmian kemiskinan adalah di bawah rangka kerja Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-2020. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Milenium Bangsa-Bangsa Bersatu, kerajaan Malaysia telah menetapkan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 bagi membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 peratus menjelang akhir 2010.

Kadar kemiskinan di Malaysia telah dianggarkan berasaskan Perolehan Garis Kemiskinan (PGK). PGK ini dianggarkan menggunakan kos minimum sejumlah

makanan yang memenuhi pengambilan kalori yang diperlukan bagi seorang rakyat Malaysia biasa, ditambah asas barangan bukan makanan. Menyedari kelemahan pengukuran ini, satu PGK baru dianggarkan pada tahun 2005 dengan mengambilkira perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar. Ia terus memberikan tumpuan dalam menentukan ambang kemiskinan melalui pendekatan perolehan. Pengukuran kemiskinan baru dilaporkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 dan laporan United Nation Development Program 2007. Berasaskan laporan Rancangan Malaysia Kesembilan, anggaran garis kemiskinan bukan makanan adalah berasaskan perbelanjaan sebenar kumpulan perbelanjaan bawah 20 peratus diperolehi daripada Survei Perbelanjaan Isi rumah (EPU, 2006). Walau bagaimanapun, menurut laporan UNDP, garisan kemiskinan bukan makanan adalah berasaskan perbelanjaan isi rumah orang-orang yang jumlah perbelanjaan adalah 20 peratus lebih tinggi daripada garis kemiskinan makanan. Jadual berikut menggambarkan PGK di Malaysia

Jadual 3.1
Penbolehan Garis Kemiskinan (PGK)

Tahun	Penbolehan Garis Kemiskinan (PGK) (RM)					
	Semenanjung Malaysia		Sabah		Sarawak	
	Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar
1987	350		533		429	
1993	405		582		495	
1995	425		601		516	
1998	460		633		543	
1999	510		685		584	
2002	529		690		600	
2004	663	657	881	897	777	753
2007	740	700	970	940	860	810

(sumber EPU)

3.2.2 Penyebab Kemiskinan

Penyebab kemiskinan boleh terjadi kerana keadaan alamiah dan ekonomi, keadaan struktural dan sosial, serta keadaan kultural (budaya). Kemiskinan alamiah dan ekonomi timbul akibat terhad sumber daya alam, orang, dan sumberdaya lain sehingga peluang produksi relatif kecil dan tidak boleh berperan dalam pembangunan. Kemiskinan struktural dan sosial disebabkan hasil pembangunan yang belum merata, perlembagaan dan kebijakan dalam pembangunan. Sedangkan kemiskinan kultural (budaya) disebabkan sikap atau kebiasaan hidup yang merasa kecukupan sehingga menjebak seseorang dalam kemiskinan (Nugroho dan Dahuri, 2004; Soegijoko, 1997; dan Nasution, 1996). Penyebab kemiskinan yang lain menurut Cox (2004) berupa: (1) Kemiskinan yang diakibatkan globalisasi berupa dominasi negara-negara maju terhadap negara-negara berkembang; (2) Kemiskinan yang berkaitan dengan pembangunan berupa rendahnya penglibatan dalam pembangunan dan peminggiran proses pembangunan; (3) Kemiskinan sosial yang dialami oleh perempuan, anak-anak dan kelompok minoritas karena ketidakberdayaan mereka; dan (4) Kemiskinan karena faktor-faktor eksternal seperti konflik, bencana alam, kerusakan lingkungan dan tingginya jumlah penduduk. Sedangkan Sharp et. al. dalam Kuncoro (2004) mencoba mengidentifikasi penyebab kemiskinan pandangan ekonomi. Pertama, ketidaksamaan pola kepemilikan sumber daya yang menimbulkan distribusi penbolean yang timpang. Kedua, perbezaan dalam kualiti sumber daya orang yang berkaitan dengan produktivi dan upah yang rendah. Ketiga, kemiskinan muncul akibat perbezaan akses dalam modal.

3.2.3 Jenis Kemiskinan

Pembahagian jenis kemiskinan boleh dibahagi berasaskan pola waktu. Menurut Ginandjar Kartasmita dalam Ridlo (2001), menurut pola waktu tersebut kemiskinan boleh dibagi menjadi: (1) *Persistent poverty*, iaitu kemiskinan yang telah kronis atau turun temurun yang diantaranya merupakan daerah kritis sumber daya alam atau terisolasi. (2) *Cyclical poverty* iaitu kemiskinan yang mengikuti pola siklus ekonomi secara keseluruhan. (3) *Seasonal poverty*, iaitu kemiskinan musiman seperti sering dijumpai kes-kes nelayan dan petani tanaman makanan. (4) *Accidental poverty*, iaitu kemiskinan karena bencana alam atau dampak dari suatu kebijakan. Berasaskan jenisnya kemiskinan secara umum boleh dibahagi menjadi kemiskinan absolut dan kemiskinan relatif. Kemiskinan absolut terjadi apabila tingkat perolehan seseorang di bawah garis kemiskinan absolut yang telah ditetapkan, sehingga tidak boleh memenuhi keperluan hidup minimum yang antara lain terdiri dari keperluan sandang, pangan, kesihatan, perumahan dan pendidikan. Sedangkan kemiskinan relatif merupakan perbandingan antara kelompok perolehan dalam masyarakat tersebut. Meskipun seseorang/masyarakat telah boleh memenuhi keperluan asasnya secara layak (tidak miskin), tetapi masih rendah kualitasnya dibandingkan masyarakat sekitarnya yang relatif lebih kaya (Soegijoko, 1997; dan Esmara (1986) dalam Ridlo (2001). Kemiskinan absolut keberadaannya masih boleh dihilangkan (*poverty alleviation*), sedangkan kemiskinan relative keberadaannya tidak boleh dihilangkan, tetapi hanya boleh dikurangkan intensitasnya (*poverty reduction*) (Soegijoko, 1997)

3.3 Sistem e-Sinar

3.3.1 Latar Belakang

Usaha membasmi kemiskinan di Negeri Kedah Darulaman merupakan agenda Strategik Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk. Berbagai program pembasmian kemiskinan telah di jalankan melalui beljabatan dan agensi di peringkat negeri semenjak tahun 1989, melalui Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) dan program basmi miskin tegar yang telah dijalankan dengan sungguh-sungguh telah berjaya mengurangkan bilangan keluarga miskin tegar kepada 2811 ketua isi rumah (KIR) pada tahun 2006. Apabila Kerajaan Persekutuan menaikkan Penbolehan Garis Kemiskinan (PGK) daripada RM 252.50 kepada RM 416.00 (miskin tegar) ini menyebabkan jumlah keluarga miskin tegar di Negeri Kedah Darulaman meningkat kepada 9,300 Ketua isi rumah (KIR) .

Isu miskin tegar telah menjadi fokus dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RM ke 9). Salah satu syor yang di utarakan kepada Kerajaan ialah perlunya di gembeling usaha dan projek bantuan kepada keluarga miskin tegar dengan lebih bersepadu agar penerima bantuan benar-benar menboleh dan kerjaya meningkatkan perolehan ketua isi rumah (KIR) melebihi RM 416 sebulan. Selama ini pelbagai projek di jalankan secara berasingan oleh setiap agensi.

Isu ini di teliti oleh Unit Perancang Negeri (UPEN) Negeri Kedah Darulaman dan Jawatan kuasa Pembasmi Kemiskinan yang memperakukan supaya penyelarasan yang rapi dilaksanakan oleh sebuah badan penyelaras basmi kemiskinan agar program basmi miskin menjadi efektif.

Berasaskan pertimbangan di atas setelah memperoleh kelulusan daripada Majelis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darulaman pada 12 September 2007 di tubuhkan sistem e-sinar oleh Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.

3.3.2 Apakah Sistem e-Sinar

Sistem e- Sinar merupakan suatu sistem Pangkalan data rakyat miskin Negeri Kedah Darulaman secara online yang merekod segala maklumat yang berkaitan ketua isi rumah (KIR) miskin di Negeri Kedah Darulaman.

Sistem ini di wujudkan oleh Kerajaan Negeri Kedah Darulaman bermatlamat bagi mengumpulkan seluruh data rakyat miskin di Negeri Kedah Darulaman dan usaha mengurangkan kadar kemiskinan.

Seranai tugas sistem e-Sinar adalah :

- (1) Menjadi pusat rujukan kepada pengurusan Data Kemiskinan Peringkat Negeri.
- (2) Menjadi penyelaras kepada pengumpulan dana daripada pelbagai sumber.
- (3) Menjadi penyelaras kepada perancangan dan pelaksanaan program bantuan kepada keluarga miskin tegar agar tidak berlaku isu pertindihan dan ketirisan.
- (4) Merangka program dan projek khas basmi miskin tegar Negeri Kedah Darulaman.

3.3.3 Proses Kerja Sistem e-Sinar

Pemohon yang layak mendaftar ialah ketua isi rumah (KIR) yang terdiri daripada warga Negara Malaysia dan menetap di Negeri Kedah Darulaman. Perolehan bulanan keluarga mestilah RM 720.00 kebawah atau perkapita RM 180.00 ke bawah.


Pemohon boleh mendaftar dengan cara mengisi borang e-sinar, borang daftar e-SINAR boleh diperolehi di pejabat Penghulu Mukim, Pejabat Daerah, Urusetia e-SINAR di Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah dan Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO).

Borang yang telah dilengkapi isi perlu diserahkan kepada Penghulu Mukim bagi pengesahan sebelum di hantar ke pejabat daerah bagi sokongan. Dokumen yang diperlukan ialah salinan kad pengenalan atau salinan sijil kelahiran setiap ahli rumah serta penyata pendapatan (sekira ada)

Borang daftar e-SINAR boleh dibuat salinan fotostat dan diterima. Borang daftar e-SINAR juga boleh dimuat turun dari laman web <http://esinar.kedah.gov.my>. Masyarakat boleh membuat semakan di laman web e-sinar <http://esinar.kedah.gov.my> dengan memasukkan nomor kad pengenalan. Masyarakat boleh membantu program daftar e-sinar dengan mengenal pasti keluarga-keluarga yang layak mendaftar dan mengambil tindakan memaklumkan kepada penghulu mulim atau pejabat daerah di kawasan berkenaan.

Rajah 3.1

Carta Aliran Pendafataran Borang e-Sinar Peringkat Daerah (Semasa)



Daftar e- Sinar adalah usaha awal Kerajaan Negeri Kedah Darulaman bagi mengenal pasti keluarga miskin. Seterusnya segala bentuk bantuan akan di rancang bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan sesioekonomi rakyat khususnya dari aspek pembangunan modal insan pendidikan, latihan kemahiran, peningkatan jadi diri, keusahawanan, perumahan, kesihatan dan kebajikan. Matlamat Kerajaan Negeri Kedah Darulaman supaya tiada rakyat yang ketinggalan dari arus pembangunan dan boleh bersama-sama menikmati keselesaan dan kesejahteraan. e-Sinar adalah rujukan utama Kerajaan Negeri Kedah dalam mengeluarkan bantuan kepada keluarga miskin.


3.4 Kerangka Kajian

Isu kemiskinan menjadi asas bagi Negeri Kedah Darulaman menubuhkan suatu sistem pangkalan data kemiskinan Negeri Kedah Darulaman secara online yang merekod segala maklumat berkaitan ketua isi rumah (KIR) miskin di Negeri Kedah Darulaman yang di kenal dengan nama e-Sinar. Sistem ini bermatlamat bagi mengumpulkan data rakyat miskin serta menyelaraskan bantuan oleh belbagai agensi /jabatan badan bukan Kerajaan dan perancangan dalam usaha mengurangi kemiskinan di Negeri Kedah Darulaman serta penilaian bagi program pembasmian kemiskinan.

Pada 27 September 2012 merujuk daripada data sistem e-sinar KIR miskin Daerah Kota Setar sebanyak 4106 KIR , yang terdiri daripada 1145 KIR miskin dan 2961 KIR miskin tegar. Daerah Kota Setar adalah Daerah yang memiliki KIR miskin dan miskin tegar terbanyak di Negeri Kedah Darulaman. Hal tersebut yang menjadi asas pemikiran bagi melakukan kajian tentang peranan sistem e-sinar dalam usaha

mengurangkan kadar kemiskinan bagi Daerah Kota Setar, dengan kerangka kajian menurut berikut,

Rajah 3.2
Kerangka kajian



Kajian menggunakan Kaedah deskriptif kualitatif bagi mendeskripsikan bagaimana peranan sistem e-sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan bagi Daerah Kota Setar. Berasaskan kajian pustaka tentang teori kemiskinan dan selanjutnya di lakukan analisis tentang peranan sistem e-sinar.

3.5 Kesimpulan

Bab ini telah mengupas aspek-aspek penting tentang kemiskinan, program pembasmian kemiskinan dan penyebab kemiskinan. Pemerolehan maklumat menerusi hasil tinjauan tersebut amat berguna untuk dijadikan sebagai satu panduan dan asas pembuatan keputusan kajian ini untuk tindakan seterusnya yang akan dijalankan dan diterangkan dalam bab-bab selanjutnya.

Bab seterusnya ialah kaedah kajian yang membincangkan tentang kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini.

BAB 4

KAEDAH KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini mempunyai empat bahagian, bahagian pertama menerangkan tentang ruang lingkup kajian, bahagian kedua menerangkan tentang jenis dan sumber data, bahagian ketiga menerangkan tentang teknik Persampelan dan bahagian keempat menerangkan tentang teknik analisa data.

4.1 Ruang Lingkup Kajian

Kajian ini di lakukan di Daerah Kota Setar yang menjadi objek kajian ialah peranan sistem e-sinar dalam rangka pembasmian kemiskinan di Daerah Kota Setar.

4.2 Jenis dan Sumber Data

Jenis-jenis data yang digunakan dalam penelitian ini adalah:

1). Data Primer iaitu data yang diperoleh atau dikumpulkan langsung dari informan/responden dengan melakukan temuduga langsung. Dalam temuduga langsung ini digunakan panduan temuduga. Data-data yang ditanyakan kepada penduduk miskin/peserta e-sinar berkaitan langsung dengan prestasi, kekuatan dan kelemahan program tersebut. Dan kepada aparaturnya ditanyakan tentang implementasi program pengentasan kemiskinan dan permasalahan yang dihadapi serta kekuatan dan kelemahan sistem e-Sinar. Untuk mendukung hasil temuduga dilaksanakan observasi (pengamatan) untuk mengetahui pelaksanaan program-program atau hasil yang telah dicapai dari program tersebut.

2). Data sekunder iaitu data yang diperoleh atau dikumpulkan dari Urusetia e-Sinar Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah Darulaman, Pejabat Daerah Kota Setar dan sumber-sumber lainnya. Data sekunder yang dikumpulkan meliputi data jumlah penduduk miskin, jumlah penerima program, data gambaran wilayah studi dan data lainnya yang berkaitan dengan penelitian. Data sekunder yang lain adalah petunjuk pelaksanaan program-program pengentasan kemiskinan dan laporan pelaksanaan program serta buku-buku literature dalam mendukung data yang telah terkumpul dan untuk keperluan analisis.

4.3 Teknik Persampelan

Prosedur persampelan dalam penelitian kualitatif adalah bagaimana menentukan informan kunci (key informan) atau situasi sosial tertentu yang sarat informasi sesuai dengan fokus penelitian sehingga untuk memilih sampel lebih tepat dilakukan secara sengaja (*purposive sampling*). Dengan demikian, penelitian kualitatif tidak dipersoalkan jumlah sampel (Bungin, 2003). Sampel dalam penelitian ini adalah urusetia e-sinar Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah Darulaman dan Pejabat Daerah Kota Setar selaku pelaksana sistem e-Sinar dan masyarakat selaku peserta sistem e-Sinar.

4.4 Teknik Analisis Data

Analisis data dalam penelitian ini adalah analisis kualitatif iaitu analisis yang tidak menggunakan model matematik, model statistik dan ekonometrik atau model-model tertentu lainnya. Analisis data yang dilakukan terbatas pada teknik pengolahan datanya, berupa membaca tabel-tabel, grafik-grafik atau angka-angka yang tersedia, kemudian melakukan uraian dan pentafsiran (Hasan, 2002). Huraian dan pentafsiran

dilakukan terhadap data primer dan sekunder yang telah terkumpul dan dilakukan analisis berdasarkan kriteria-kriteria yang diperoleh dari kajian literature.

4.5 Kesimpulan

Bab ini menerangkan tentang data yang digunakan, siapa yang menjadi sampel, dan teknik pengolahan data.

Bab seterusnya ialah dapatan kajian yang menerangkan tentang dapatan yang didapatkan oleh pengkaji selama melakukan kajian.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji melalui temuduga langsung dengan para responden dan data yang dikumpulkan daripada urusetia sistem e-Sinar. Data yang diperolehi itu telah dianalisis dan didedahkan dengan cara yang sewajarnya.

5.1 Keadaan Kemiskinan di Daerah Kota Setar

Daerah Kota Setar merupakan salah satu Daerah di Negeri Kedah Darulaman yang terletak di sebelah Barat, Daerah Kota Setar secara administratif terbagi menjadi 26 mukim dan memiliki keluasan 665 km² atau 7.05% dari keluasan seluruh Negeri Kedah Darulaman. Daerah Kota Setar mempunyai beberapa wilayah seperti daerah perniagaan iaitu daerah Bandar, daerah pertanian iaitu daerah luar Bandar dan daerah industri yang terletak diantara daerah luar Bandar dan daerah Bandar.

Jumlah penduduk Daerah Kota Setar mengikut banci penduduk pada tahun 2010 seramai 366,787 orang.

Keadaan kemiskinan di Daerah Kota Setar berdasarkan data daripada sistem e-Sinar mulai tahun 2009 sampai dengan 2012 terus mengalami peningkatan. Jumlah rakyat miskin pada 21 oktober 2012 sebanyak 4156 KIR dengan rincian miskin 1166 KIR dan Miskin Tegar 2990 KIR. Mukim yang mempunyai rakyat miskin terbanyak terdapat di Mukim Kuala Kedah pada oktober 2012 berjumlah 517 KIR. Penduduk

Mukim Kuala Kedah sebagian besar bekerja di sektor pertanian dan nelayan, Mukim Kuala Kedah merupakan daerah pesisir.

Jadual 5.1

Data Kemiskinan Daerah Kota Setar Tarikh Daftar 21-10-2009 sampai 21-10-2012

Tarikh	Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR)
21-10-2009	868
21-10-2010	2185
21-10-2011	2264
21-10-2012	4156

(sumber sistem e-Sinar)

Daripada jadual 5.1 boleh di lihat setiap tahunnya mulai daripada tahun 2009 sampai dengan tahun 2012 jumlah rakyat miskin di Daerah Kota Setar terus mengalami peningkatan. Dari hasil wawancara dengan urusetia sistem e-Sinar Puan Fara Ashikin Binti Mohd.Zikri (penolong pengarah) mengatakan penyebab meningkatnya jumlah rakyat miskin di Dearah Kota Setar iaitu putus punca pencarian KIR, masalah ekonomi semasa dan kurang pendidikan. Hal lain yang menyebabkan terus meningkatnya jumlah rakyat miskin di Daerah Kota Setar berasaskan data daripada sistem e-sinar iaitu rekod data rakyat miskin yang terdaftar dalam sistem e-Sinar tidak pernah di lakukan evalusai dan pemutihan sejak mulai beroperasi pada tahun 2008 sampai dengan setakat ini. Sehingga ada rakyat miskin yang telah meninggal dunia, pindah alamat atau yang telah keluar daripada garis kemiskinan yang masih terdaftar dalam sistem e- Sinar.

Jadual 5.2

Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darul Aman Daerah Kota Setar mengikut BilanganKetua Isi Rumah Dari 1 Januari 2008 sehingga 16 Oktober 2012

Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darul Aman Daerah Kota Setar	
Mukim	BilanganKetua Isi Rumah
ALOR MALAI	37
ALOR MERAH	52
ANAK BUKIT	128
BUKIT PINANG	48
DERGA	93
GUNUNG	279
HUTAN KAMPUNG	18
KANGKUNG	235
KOTA SETAR	55
KUALA KEDAH	517
KUBANG ROTAN	236
LANGGAR/LIMBONG	233
LENGKUAS/BUKIT PINANG	134
LEPAI	140
LIMBONG	0
MERGONG	150
PADANG HANG	181
PADANG LALANG	216
PENGKALAN KUNDUR	252
PUMPONG	244
SALA KECIL	267
SUNGAI BARU	61
TAJAR	130
TEBENGAU	273
TELAGA MAS	61
TELOK CHENGAI	17
TELOK KECHAI	45
TITI GAJAH	53
Jumlah	4155

(sumber sistem e-Sinar)

5.2 Klasifikasi data yang disediakan oleh sistem e-Sinar

Sistem e-Sinar adalah rujukan induk data rakyat miskin Negeri Kedah Darulaman, dalam merekod data rakyat miskin sistem ini mengklasifikasikan data rakyat miskin sebagai berikut :

1. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (mengikut Daerah) bilangan Ketua Isi Rumah (KIR), data ini mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin daripada tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman.
2. Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (mengikut daerah) kategori kemiskinan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin daripada tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman menurut kategori iaitu kategori miskin dan miskin tegar.
3. Statistik Kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan jantina bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan berapa jumlah lelaki dan berapa jumlah perempuan miskin dan miskin tegar bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman.
4. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan Bangsa bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) mengikut Bangsa (Melayu, India, Cina, lain-lain) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman.
5. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (mengikut daerah) julat pendapatan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut julat pendapatan, di mulai dengan pendapatan RM 0 sampai dengan lebih daripada RM 800 yang dikelompokkan ke dalam lima kategori

iaitu RM 0 sampai RM 200, RM 201 sampai RM 430, RM 431 sampai RM 720, RM 721 sampai RM 800 dan lebih daripada RM 800.

6. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut julat pendapatan perkapita, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut julat pendapatan perkapita, di mulai dengan pendapatan RM 0 sampai dengan lebih daripada RM 181 yang dikelompokkan ke dalam empat kategori iaitu tidak dinyatakan, RM 0 sampai RM 100, RM 101 sampai RM 180, dan lebih daripada RM 181.
7. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (mengikut daerah) julat bilangan tanggungan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut julat bilangan tanggungan, julat bilangan tanggungan di mulai dari tiada ahli isi rumah sampai dengan lebih daripada sembilan orang, yang dikelompokkan ke dalam lima kategori iaitu tiada ahli isi rumah, 1 sampai 3, 4 sampai 6, 7 sampai 9 dan lebih daripada 9.
8. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman (mengikut daerah) julat umur, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut julat umur, julat umur di mulai daripada kurang daripada 18 sampai dengan lebih daripada 65, yang dikelompokkan ke dalam tujuh kategori iaitu kurang daripada 18, 18 sampai 24, 25 sampai 34, 35 sampai 44, 45 sampai 54, 55 sampai 64 dan lebih daripada 65.
9. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan taraf perkahwinan bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah

ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut taraf perkawinan yang dikelompokkan ke dalam empat kategori iaitu berkahwin, belum berkahwin, duda dan ibu tunggal.

10. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan tahap pendidikan bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut tahap pendidikan, dikelompokkan ke dalam empat kategori iaitu IPT, Sekolah Menengah Tinggi, Sekolah Menengah Rendah, Tidak Bersekolah.
11. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan status rumah bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut status rumah, dikelompokkan ke dalam lima kategori iaitu rumah dan tanah milik sendiri, rumah sendiri tanah menumpang, rumah sendiri tanah kerajaan, rumah sewa dan tiada rumah.
12. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah rawatan dialisis buah pinggang bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut rawatan dialisis buah pinggang, dikelompokkan ke dalam tiga kategori iaitu perlu, tidak perlu dan sedang menjalani.
13. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan pemilikan tanah bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap

daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut pemilikan tanah, dikelompokkan ke dalam dua kategori iaitu tiada tanah dan tanah milik sendiri.

14. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan kecacatan (tiada kad orang kurang upaya) bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut kecacatan dan tidak memiliki kad orang kurang upaya.
15. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan kecacatan (ada kad orang kurang upaya) bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut kecacatan dan memiliki kad orang kurang upaya.
16. Statistik kemiskinan Negeri Kedah Darulaman mengikut daerah dan keadaan rumah bagi kategori keseluruhan, iaitu data yang mendeskripsikan jumlah ketua isi rumah miskin kategori keseluruhan (miskin dan miskin tegar) bagi tiap-tiap daerah di Negeri Kedah Darulaman mengikut keadaan rumah, dikelompokkan ke dalam tiga kategori iaitu baik, usang dan sederhana.
17. Statistik bantuan agensi bilangan keseluruhan, iaitu data agensi-agensi yang memberi bantuan kepada rakyat miskin dalam rangka membasmi kemiskinan di Negeri Kedah Darulaman.

Dengan pembagian data rakyat miskin seperti tersebut diatas menjadi jelas bagaimana keadaan dan karakteristik kemiskinan di Negeri Kedah Darulaman hal ini akan memudahkan mengidentifikasi keperluan dan permasalahan yang ada bagi menyusun program pembasmian kemiskinan.

5.3 Program e-Sinar Dalam Usaha Mengurangi Kadar Kemiskinan

Dalam usaha mengurangi kadar kemiskinan di Negeri Kedah Darulaman setiap tahunnya diperuntukkan sebanyak RM 1 juta bagi bina dan baiki rumah ketua isi rumah (KIR) miskin yang terdaftar dalam e-Sinar. Bantuan hanya di berikan kepada KIR yang memohon kepada pejabat daerah. Kerana keterbatasan kewangan tidak semua peserta yang terdaftar dalam sistem e-sinar mendapat bantuan bagi bina atau baiki rumah, kerana itu ada skala prioritas dalam pembagian bantuan bagi bina atau baiki rumah. Salah satu syarat utamanya adalah memiliki tanah bagi bina rumah.

Daerah Kota Setar mendapat bantuan bina rumah 2 unit dan baiki rumah sebanyak 2 unit pada tahun 2011. Bantuan bina rumah diberikan kepada peserta sistem e-Sinar yang tidak mempunyai rumah tetapi mempunyai tanah dan telah dilakukan uji kepatutan oleh MKK, Penghulu, dan mendapat sokongan daripada Pegawai Daerah. Bantuan baiki rumah diberikan kepada peserta sistem e-Sinar yang mempunyai rumah tetapi sudah dalam keadaan tidak layak hun, bantuan ini diberikan setelah dilakukan penilaian dan memenuhi persyaratan yang telah di tetapkan.

5.4 Peranan Sistem e-Sinar.

Merujuk kepada objektif e-Sinar iaitu (1) mengumpulkan dan menyimpan data keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negeri kedah; (2) mengukuhkan jentera pengurusan dan penyelarasan program pembasmian kemiskinan di negeri Kedah melalui capaian data kemiskinan secara online (3) memudahkan capaian statistik kemiskinan kepada orang awam. Setelah dilakukan analisis data yang didapat dari

hasil kajian selanjutnya dirumuskan peranan sistem e-Sinar dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan bagi daerah Kota Setar sebagai berikut:

5.4.1 Rujukan Induk oleh Daerah Kota Setar dan Agensi-Agensi Bantuan Bagi Senarai Nama Rakyat Miskin

Setiap program mempunyai tujuan dan sasaran nya sendiri, tujuan dan sasaran disusun sebagai arahan yang teratur dari dampak yang ingin di munculkan oleh program tersebut. Program-program pembasmian kemiskinan membatasi dampak program kepada golongan tertentu, dalam hal ini golongan miskin. Untuk tujuan tersebut digunakanlah mekanisme *targeting* (sasaran) sebagai cara untuk melengkapi program agar dampak yang diinginkan dapat menjangkau golongan yang menjadi kelompok sasaran secara efektif.

Mekanisme *targeting* memerlukan data sebagai rujukan bagi mencari kelompok sasaran yang akan menerima dampak dari program tersebut, disinilah peranan sistem e-sinar sebagai rujukan induk oleh Daerah Kota Setar dan agensi-agensi bantuan bagi senarai nama rakyat miskin dalam menyeleksi kelompok sasaran yang akan menerima bantuan, seluruh rakyat miskin di Daerah Kota Setar telah terdaftar ke dalam sistem e-Sinar. Dengan demikian seleksi terhadap kelompok sasaran yang menjadi prioritas bagi menerima bantuan dapat dilakukan dengan cara yang efektif. Sehingga alokasi kewangan akan lebih terarah pada tujuan dan efektifitas program dapat di tingkatkan.

Sebagai contoh Pejabat Zakat dalam mencari sasaran yang berhak menerima bantuan menggunakan data dari sistem e-Sinar sebagai rujukan dan selanjutnya

mensiasati lagi data tersebut untuk mencari penerima bantuan yang benar-benar berhak dan memenuhi syarat bagi menerima bantuan.

5.4.2 Penyalaras Program Pembasmian Kemiskinan di Daerah Kota Setar

Di Daerah Kota Setar ada 21 agensi pemberi bantuan (jadual terlampir) setiap agensi mempunyai program nya sendiri-sendiri dan kelompok sasaran masing-masing. Boleh di bayangkan bagaimana apabila tidak ada sebuah sistem pusat data rakyat miskin di Daerah Kota Setar yang boleh menyelaraskan program-program daripada agensi-agensi tersebut, boleh di pastikan akan timbul isu-isu pertindihan dan ketirisan.

Peranan sistem e-Sinar dalam menyelaraskan program pembasmian kemiskinan di Daerah Kota Setar adalah untuk menepis isu-isu pertindihan dan ketirisan tersebut. Sehingga program pembasmian kemiskinan dapat berjalan tepat pada sasarannya dan efektif.

Dalam menyelaraskan program pembasmian kemiskinan di Daerah Kota Setar Unit e-Sinar ada bekerjasama dengan berbagai pihak. Antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan menyeranaikan beberapa KIR miskin yang tercicir daripada bantuan JKM. Unit e-Sinar juga menyediakan latihan kemahiran kepada ahli isi rumah (AIR) dengan kerjasama Kolej Komuniti. Kemahiran ini akan AIR gunakan untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran mereka.

5.4.3 Input Bagi Perancangan Program Pembasmian Kemiskinan di Daerah Kota Setar

Pada kegiatan pembasmian kemiskinan keperluan akan data menjadi suatu yang nyata dan diutamakan. Pada kegiatan identifikasi dan analisis akan sangat memerlukan data sebagai input dalam memahami Keadaan serta karakteristik kemiskinan pada sebuah daerah atau sebuah kelompok. Dengan adanya data tersebut maka dapat dilakukan proses analisis lebih lanjut sesuai output yang hendak dihasilkan, misalnya data yang ditujukan untuk menunjukkan adanya keragaman dan konsentrasi penduduk miskin serta gambaran berdasarkan indikator/variable yang asosiatif dengan keadaan kemiskinan.

Peranan sistem e-Sinar bagi input perancangan program pembasmian kemiskinan di Daerah Kota Setar adalah memberikan dasar dan orientasi terhadap penyusunan kebijakan dan program pembangunan dalam usaha mengurangi kadar kemiskinan. Dengan kata lain data rakyat miskin dapat dijadikan sebagai input/tool analysis dalam mengembangkan berbagai formulasi kebijakan dan perancangan program pembasmian kemiskinan, misalnya dalam melakukan formulasi untuk menentukan alokasi bajet program-program pembasmian kemiskinan pada peringkat daerah atau negeri.

Mekanisme perancangan pembangunan di peringkat Negeri dan Daerah terpusat di peringkat Negeri iaitu di unit perancangan negeri (UPEN) di bawah setia usaha kerajaan, daerah boleh menganjurkan program pembangunan tetapi keputusannya tetap ditentukan pada peringkat negeri iaitu UPEN. Demikian juga halnya dengan sistem e-Sinar, urusetia sistem e-Sinar berada di bawah UPEN, oleh

kerana hal tersebut Daerah Kota Setar tidak pernah melakukan penyusunan program perancangan pembasmian kemiskinan di peringkat daerah, hanya menjalankan program pembasmian kemiskinan yang di rancang di peringkat negeri. Program pembasmian kemiskinan yang sedang dijalankan saat ini adalah program bina dan baiki rumah KIR miskin dengan peruntukan RM 1 juta setiap tahunnya.

5.4.4 Pengawasan dan Penilaian Program Pembasmian Kemiskinan di Daerah Kota Setar

Dalam menjalankan fungsi pengawasan dan penilaian yang konsisten dan berkelanjutan maka akan sangat tergantung dari pemenuhan keperluan data yang relevan. Dalam kegiatan pengawasan dan penilaian di perlukan indikator-indikator yang di gunakan sebagai alat untuk mengukur keberhasilan program baik berupa indikator input, indikator proses, indikator output, indikator outcome, serta indikator dampak. Dan sudah barang tentu pada setiap indikator tersebut akan diperlukan data sebagai sumber informasi daripada pelaksanaan program.

Peranan sistem e-Sinar sebagai input dalam melakukan pengawasan dan penilaian adalah sebagai indikator bagi mengukur tingkat keberhasilan program pembasmian kemiskinan di Daerah Kota Setar, dengan adanya data yang disediakan oleh sistem e-Sinar dapat memudahkan dalam mengukur tingkat keberhasilan program pembasmi kemiskinan di Daerah Kota Setar.

Penilaian program merupakan satu metod untuk mengetahui dan menilai efektif suatu program dengan membandingkan kriteria yang telah ditentukan atau tujuan yang ingin dicapai dengan hasil yang dicapai. Hasil yang dicapai dalam bentuk

